

# Kamaruddin penunggang terbaik

BH 23 JAN 2002  
Oleh Mohd Ali Majid

DATUK Kamaruddin Abdul Ghani sekali lagi mencatat sejarah apabila dipilih sebagai Penunggang Kuda Terbaik (Rider Of The Year) oleh Persekutuan Equestrian Antarabangsa (FEI) bagi tahun 2001.

Pemilihan Kamaruddin yang juga juara jalan lasak dunia itu diumumkan dalam Majalah Endurance World keluaran Januari yang diterbitkan di Dubai, Emiriyah Arab Bersatu.

Pemilihan itu berdasarkan kejayaannya menduduki tempat pertama dalam FEI Emirates Endurance Worlwide Ranking Riders 2001 setelah mengumpul 1,165 mata dengan mengalahkan 928 ekuin dari seluruh dunia.

Dia juga terpilih kerana keupayaannya dalam usia 56 tahun memenangi tiga kejohanan terbesar dalam masa empat minggu.

Kejohanan itu ialah IV Raid International Elvas Badajoz (Portugal-Sepanyol) sejauh 140km pada 13 Oktober, Huelgoat di Perancis sejauh 130km pada 20 Oktober dan Montcuq di Perancis sejauh 200km pada 3 November 2001.

Kamaruddin juga menduduki tempat kelima dalam Kejohanan Terbuka Ero-

pah di Perugia, Itali dengan kelajuan 19.03 km/h pada jarak 160km dan disertai oleh 87 ekuin dari 23 negara.

Di samping itu dia juga muncul sebagai pemenang pingat emas pertama Sukan Sea XXI di Kuala Lumpur September lalu.

Kejayaan paling bersejarah ialah menjadi ekuin jalan lasak pertama dunia memenangi enam kejohanan antarabangsa sepanjang tahun lalu.

Kejohanan yang dimaksudkan ialah Montcuq di Perancis sejauh 200km dalam masa 18.597 km/h, Huelgoat (Perancis) 130km dalam masa 18.157 km/h), Elvas Badajoz di Sepanyol (140km dalam masa 18.327km/h), Sukan Sea XXI Kuala Lumpur (90km dalam masa 12.17km/h), Jerex di Sepanyol (182km dalam masa 19.32 km/h) dan Canberra di Australia (160km dalam masa 19.10 km/h).

Kamaruddin berkata, sebagai rakyat Malaysia dia berbangga kerana berjaya mengharumkan nama negara sekali lagi di peringkat antarabangsa.

"Kejayaan ini juga saat paling manis dalam hidup saya," katanya di majlis meraikan kejayaannya itu -yang diadakan di Kelab Equestrian & Sports Centre di Sungei Besi semalam.

Katanya, dia dimaklumkan bahawa penyampaian hadiah kejayaannya itu akan diadakan sempena kejohanan jalan lasak dunia di Dubai Mac nanti.

Dia berterima kasih kepada semua pihak yang memberi bantuan dalam mengharungi kejohanan sepanjang tahun lalu.

"Tidak lupa saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasman Ali yang sentiasa memberi galakan," katanya.

Katanya, tugasnya tahun ini bertambah berat dan lebih mencabar kerana selain menyertai 25 kejohanan, dia juga berharap membawa pasukan negara menjuarai kejohanan berpasukan yang diadakan setiap dua tahun sekali.

"Selain itu saya berharap dapat menyertai Sukan Olimpik apabila acara jalan lasak turut diselitkan dalam Sukan Olimpik akan datang," katanya.

Menurut Kamaruddin, dia berpuas hati dan tidak kesal berbelanja kira-kira RM1.5 juta menyertai pelbagai pertandingan sepanjang tahun lalu.

"Untuk kejohanan sepanjang tahun ini saya mungkin berbelanja lebih dan saya mengharapkan bantuan semua pihak bagi mencapai tujuan ini," katanya.